

Artikel

Penggunaan dan Pengamalan Kajian Bahasa Iban: Sorotan Literatur Bersistematik
(*The Use and Application of Iban Language Study: The Systematic Literature Review (SLR)*)

Doratya Gerry*, Harishon Radzi & Fazal Mohamed Mohamed Sultan

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan
Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p118493@siswa.ukm.edu.my

Diserah: 06 Februari 2024

Diterima: 01 Mei 2024

Abstrak: Tinjauan kajian lepas terhadap bahasa Iban masih perlu dijalankan dengan lebih sistematik. Hal ini kerana, para pengkaji lepas banyak memberikan tumpuan secara deskriptif sahaja terutamanya dalam menjalankan analisis terhadap tinjauan lepas. Kajian terhadap bahasa ini berfokus kepada penelitian tinjauan kajian lepas terhadap penggunaan dan pengamalan Bahasa Iban. Kajian ini dijalankan untuk dijadikan sebagai pengukuhan kepada penggunaan dan pengamalan kajian dalam bahasa Iban. Tinjauan literatur merangkumi aspek sastera dan budaya yang merujuk kepada sejarah dan kepercayaan. Seterusnya, dari aspek pendidikan memberi fokus kepada masalah kekurangan guru bahasa Iban dan tahap pengetahuan pedagogi guru bahasa Iban. Selain itu, tinjauan lepas melihat kepada aspek linguistik seperti sistem tulisan bahasa Iban, kosa kata bahasa Iban dan asas pembentukan ayat dalam bahasa Iban. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pencarian seperti (1) *Scopus* dan *Web of Science (WOS)*, *Google Scholar* dan *My Cite* dengan menggunakan analisis secara sistematik. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pengkaji lepas lebih banyak meneliti aspek sastera dan budaya berbanding aspek pendidikan dan linguistik. Dapatan juga menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan oleh para pengkaji lepas adalah secara tidak terperinci. Hasil yang didapati dalam membuat tinjauan sistematik ini menunjukkan bahawa penerbitan artikel terhadap bahasa Iban lebih banyak diterbitkan di pangkalan data berindex seperti *Google Scholar* dan *My Cite*. Kesan daripada hasil ini dapat membolehkan pengkaji mengisi ruang kosong yang telah ditinggalkan oleh pengkaji lepas terhadap kajian bahasa Iban. Dengan itu, pengkaji dapat memberi sumbangan utama kepada kajian ini khususnya tinjauan secara sistematik sekaligus dapat melestarikan penggunaan dan pengamalan bahasa Iban pada masa akan datang.

Kata kunci: Bahasa Iban; penggunaan dan pengamalan; sastera dan budaya; pendidikan; linguistik; sorotan literatur bersistematik

Abstract: The review of previous studies on the Iban language still needs to be carried out more systematically. This is because many past researchers focused only on descriptive data, especially when conducting analyses of past surveys. The study of this language focuses on the research from previous studies on the use and practice of the Iban language. This study was conducted to strengthen the use and practice of research in the Iban language. The literature review includes aspects of literature and culture that refer to history and beliefs. Next, from the educational aspect, focus on the problem of the lack of Iban language teachers and the level of pedagogical knowledge of Iban language teachers. In addition, the previous survey looked at linguistic aspects such as the writing system of the Iban language, the vocabulary of the Iban language, and the basis of sentence formation in the Iban language. In this study, the researcher used search methods such as *Scopus*, *Web of Science (WOS)*, *Google Scholar*, and *My Cite* by using systematic analysis. The findings of the study show that past researchers have researched more aspects of literature

and culture than aspects of education and linguistics. Findings also show that the methods used by past researchers are not detailed. The results of this systematic survey show that articles in the Iban language are more commonly published in indexed databases such as Google Scholar and My Cite. The effect of this result can allow the researcher to fill the empty space that has been left by previous researchers in the study of the Iban language. With that, the researcher can make a major contribution to this study, especially a systematic survey, while also being able to preserve the use and practice of the Iban language in the future.

Keywords: Iban language; use and application; art and culture; education; linguistic; Systematic Literature Review (SLR)

Pengenalan

Bahasa Iban merupakan bahasa etnik bagi orang Iban di Sarawak. Berdasarkan sejarah, bahasa ini telah menjadi perantaraan bagi aktiviti sosial dan ekonomi. Menurut Osup (2015) sewaktu pemerintahan Rajah Brooke dahulu, bahasa Iban ialah bahasa perdagangan antara kaum Iban dengan kaum Cina, Bidayuh, Melayu dan Orang Ulu. Penggunaan dan pengamalan bahasa dalam pertuturan merupakan cara untuk menyampaikan maklumat atau mesej kepada pendengar. Hal ini menunjukkan bahawa secara tidak langsung bahasa Iban dijadikan sebagai alat komunikasi seharian masyarakat di Sarawak. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa segelintir masyarakat di Sarawak masih lagi tidak menguasai sepenuhnya bahasa Iban ekoran daripada perbezaan bahasa ibunda. Berdasarkan pendapat Shahidi et. al (2023) penggunaan bahasa ini hanya terdapat dalam situasi tidak formal,. Malahan anggapan bagi kaum Melayu, Cina dan Melanau bahasa ini bukan bahasa yang pertama. Meskipun begitu, bahasa Iban telah menjadi satu bahasa pilihan dalam pertuturan seharian.

Di Sarawak penggunaan dan pengamalan bahasa Iban bermula daripada pergaulan seharian antara kaum Iban dengan kaum lain. Jika dilihat dari aspek pergaulan di sekolah, penggunaan bahasa Iban telah menjadi satu kebiasaan apabila pelajar kaum lain memahami bahasa Iban. Lebih-lebih lagi apabila kaum Iban merupakan kaum majoriti di Sarawak. Kajian Tuah (2022) melaporkan bilangan kaum Iban di Sarawak berjumlah sebanyak 713,421 orang. Hal ini menyebabkan pengaruh besar terhadap penggunaan dan pengamalan bahasa Iban dalam pertuturan. Tambahan pula, bahasa ini ialah bahasa yang mudah dipelajari kerana bahasa Iban dikatakan serumpun dengan bahasa Melayu. Bukti ini dapat ditunjukkan melalui kajian Mansor dan Awang Pawi (2019) menyatakan bahawa bahasa Melayu tidak mempunyai banyak perbezaan dengan bahasa Iban, misalnya dari aspek sebutan. Berdasarkan pernyataan ini, jelas sekali bahawa bahasa Iban dan bahasa Melayu dapat dijadikan sebagai satu alat komunikasi di Sarawak.

Bertitik tolak daripada itu, bahasa Iban semakin berkembang dan dikenali oleh masyarakat kaum lain. Salah satu perkembangan yang dapat dilihat ialah bahasa ini dijadikan sebagai satu bahasa yang dapat dikaji dalam dunia penyelidikan. Para pengkaji gemar meneliti kajian bahasa Iban terutamanya kajian terhadap adat dan kepercayaan orang Iban. Pelbagai adat dan budaya yang dapat ditunjukkan oleh kaum Iban menerusi kajian yang dilaksanakan. Secara tidak langsung kaum ini mementingkan warisan turun-temurun daripada nenek moyang dan sangat percaya akan kewujudan orang *Panggau Libau* (dunia kayangan) sebagai penjaga nasib masyarakat ini. Kepercayaan ini menunjukkan kaum Iban masih lagi mengamalkan pemikiran warisan ini meskipun dunia semakin maju. Berdasarkan pendapat kiyai dan Tugang (2020) warisan kepercayaan masyarakat Iban perlu diteruskan agar tidak pupus ditelan zaman. Pendapat ini telah memberi kesan kepada ramai para pengkaji dalam terus meneliti dari aspek ini. Kesannya, fokus penelitian terhadap aspek sastera dan budaya lebih tinggi berbanding aspek lain, misalnya bidang pendidikan dan lingusitik. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat sebanyak mungkin terhadap kajian bahasa Iban dari pelbagai aspek sekaligus dapat memperkukuhkan penggunaan dan pengamalan bahasa Iban.

Metodologi

1. Proses Pengutipan Data

Bagi kajian ini, cara pencarian pangkalan data secara menyeluruh terhadap kajian bahasa Iban menggunakan

dua strategi utama bagi memperolehi bahan yang berkualiti dan menepati kehendak kajian. Strategi yang pertama bagi menjalankan pencarian di atas semua pangkalan data jurnal yang utama, iaitu di pengkalan data *Scopus* dan *Web of Science* (WOS). Selanjutnya bagi strategi yang kedua, pencarian data jurnal dijalankan di pengkalan data jurnal seperti *Google Scholar* dan *My Cite*. Hal ini kerana bagi memperbanyakkan jenis-jenis bahan dan menjadi sokongan pada pengkalan data utama. Kedua strategi ini dijalankan bagi menentukan bahan-bahan wujud dan mempunyai hasil yang baik serta dapat diterima dan digunakan untuk kajian. Untuk menemukan penyelidikan yang pernah dijalankan oleh pengkaji lepas terhadap bahasa Iban, kajian ini turut memanfaatkan langkah *handsearching*. Menurut Ghazali et al. (2021) strategi ini hanya dilakukan melihat judul dan nama penulis atau sumbernya sahaja. Tambahan lagi, kajian terhadap bahasa Iban amat terhad dan perlu mempelbagaikan cara dalam pencarian data. Berdasarkan pendapat Lebar (2021) pengumpulan data dalam kajian kualitatif boleh menggunakan pelbagai kaedah seperti data on-line, email, website dan sebagainya. Dengan itu, kajian ini menjalankan sorotan literatur secara bersistematik bagi memenuhi keperluan kajian.

2. Analisis Data

Strategi Pertama

Pada peringkat pertama, proses sorotan literatur bersistematik dijalankan dengan meneliti perkataan yang sama maksud, termologi yang berkaitan dan variasi untuk kata kunci utama kajian ini, iaitu bahasa Iban, penggunaan dan pengamalan, sastera dan budaya, pendidikan dan linguistik. Tujuan penelitian ini dijalankan bagi mempersembahkan pelbagai pilihan kepada pangkalan data terpilih untuk mencari lebih banyak bahan yang berkaitan untuk disemak. Tambahan lagi, tujuan penentuan kata kunci ini dipelbagaikan untuk melihat sebanyak mungkin kajian terhadap bahasa Iban telah dijalankan. Penentuan kata kunci ini dipilih berdasarkan buku yang mengandungi senarai kata seerti dalam talian, penggunaan kata kunci daripada kajian lepas dan cadangan kata kunci daripada kata kunci utama. Jadual 1 di bawah memaparkan kata kunci yang dicari.

Jadual 1. Kata kunci

Tujuan	Kata kunci utama	Enriched Keywords
Penggunaan dan pengamalan kajian bahasa Iban	Bahasa Iban	Bahasa Iban = <i>Iban language, Borneo language</i>
	Penggunaan dan pengamalan	Penggunaan dan pengamalan= <i>Using and practice</i>
	Sastera dan budaya	Sastera dan budaya= <i>art, culture</i>
	Pendidikan	Pendidikan= <i>education</i>
	Linguistik	Linguistik= <i>linguistics</i>

Seterusnya, jadual 2 di bawah merupakan strategi pertama untuk melihat kepada pemilihan pengkalan data yang dipilih menerusi pengkalan data *Scopus* dan *WOS* untuk mencari kata kunci berkaitan.

Jadual 2. Pengkalan data yang dipilih

Pengkalan Data	Search String
<i>Scopus</i>	TITLE-ABS-KEY (("Iban* language*" OR "borneo* language*") AND ("using* practice*" OR "art*" OR "culture*" OR "cultural art*") AND ("education*" OR "linguistic*")
<i>WOS</i>	TS=(("iban language* borneo language*" OR "using* practice*") AND ("culture* art*" OR "education*" OR "lingusitic*")

Strategi Kedua

Peringkat seterusnya, pencarian pangkalan data secara sistematik berdasarkan kata kunci yang sama seperti proses strategi pertama. Namun pencarian menunjukkan bahawa kebanyakan penerbitan kajian terhadap bahasa Iban diterbitkan di pangkalan data *google scholar* dan *my cite*. Pencarian pada langkah ini memudahkan kajian untuk mencari sebanyak mungkin kajian-kajian lepas bagi bahasa Iban dalam pelbagai

aspek. Perluasan kajian bahasa Iban ditunjukkan melalui jadual 3 dan 4, senarai penerbitan dan tahun penerbitan serta sub topik kajian lepas yang telah diterbitkan. Sub topik kajian akan dibincangkan pada bahagian berikutnya. Jadual 3 di bawah menunjukkan kata kunci utama bagi memulakan pencarian terhadap penggunaan dan pengamalan kajian bahasa Iban.

Jadual 3. Kata kunci

Tujuan	Kata kunci utama	Enriched Keywords
Penggunaan dan pengamalan kajian bahasa Iban	Bahasa Iban	<i>bahasa Iban, bahasa Iban di Borneo, bahasa Iban di Sarawak</i>
	Penggunaan dan pengamalan Sastera dan budaya	<i>penggunaan dan pengamalan bahasa etnik Sastera dan budaya, sastera dan budaya Iban</i>
	Pendidikan Linguistik	<i>Pendidikan bahasa Iban</i>
		<i>Linguistik bahasa Iban, ilmu bahasa Iban</i>

Pengkalan data seterusnya penelitian kajian lepas daripada *google scholar* dan *my cite* seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 4. Pengkalan data terpilih

Pengkalan Data	Search String
<i>Google Scholar</i>	<i>TITLE-ABS-KEY (("bahasa* Iban*"ATAU "bahasa Iban * borneo*" ATAU "bahasa Iban* Sarawak*") DAN ("* penggunaan dan pengamalan bahasa etnik*" ATAU "sastera*" ATAU "budaya*" ATAU "sastera dan budaya Iban*") DAN ("pendidikan bahasa Iban*" ATAU "linguistik bahasa Iban*" ATAU "ilmu bahasa Iban*"))</i>
<i>My cite</i>	<i>TS=(("bahasa Iban* bahasa Iban di borneo*" ATAU "penggunaan* pengamalan bahasa Etnik*") AND ("sastera*budaya Iban*" ATAU "pendidikan bahasa Iban*" ATAU "linguistik bahasa Iban" ATAU "ilmu bahasa Iban"*)</i>

Review Matrix

Berdasarkan pencarian menerusi langkah pertama dan langkah kedua, terdapat 36 jumlah artikel penerbitan terhadap kajian bahasa Iban yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas mengikut tahun dan dari pelbagai aspek. Pemilihan yang telah dilakukan oleh pengkaji merujuk kepada kehendak kajian dan dihadkan mengikut kata kunci yang telah dinyatakan dalam artikel ini. Kesemua kandungan yang terdapat dalam setiap kajian akan dijelaskan serta ditunjukkan pada bahagian penerangan mengikut Sub kajian lepas. Kandungan-kandungan tersebut merangkumi semua aspek yang diperlukan dalam kajian ini. Senarai pada review matrix dipaparkan pada Jadual 5. Semua senarai yang dijelaskan dalam kajian ini meliputi nama penulis, tajuk, nama jurnal dan jenis pangkalan data yang diperolehi.

Jadual 5. Senarai penerbit/jurnal kajian lepas terhadap bahasa Iban

No.	Tahun	Nama Penulis	Tajuk	Nama Jurnal	Scopus/Wos/ Index/Buku
1	1936	Undang-Undang Rajang Meluan	-	-	Buku
2	1952	Tusun Tunggu Sibn	-	-	Buku
3	1959	Nov Tom, H.	The Peoples of Sarawak	Sarawak Meseum Publication.	Buku
4	1961	Tusun Tunggu Simanggang	-	-	Buku
5	1977	Sandin, B.	Gawai burong: the chants and celebrations of the Iban bird festival	Penerbit Universiti Sains Malaysia for Pusat Pengajian Ilmu Sains Kemasyarakatan	Buku
6	1981	Richards, A.J.N.	An Iban-English Dictionary	Penerbit Fajar Bakti	Buku
7	1981, 1983	Omar, A.	1. The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages	1. Dewan Bahasa dan Pustaka. 2. Dewan Bahasa dan Pustaka. 3. Jurnal Bahasa	Buku Buku Index

			2. Susur Galur Bahasa Melayu		
			3. Kampar dalam geolinguistik dan geobudaya Melayu		
8	1985	Brugman, Rev.G.	English-Iban Vocabulary	Sarawak Literary Society Harrison	Buku
9	1994	Sutlive, V.H dan Sutlive, J	A Handy Reference Dictionary of Iban and English	The Tun Jugah Foundation.	Buku
10	2006	Osup, C.	Leka Main: Puisi Rakyat Iban-Satu Analisis Tentang Bentuk dan Fungsi	Tesis PhD	Tesis
11	2006	Guat, T.M.	Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak: Satu Analisis Sintaksis	Jurnal Penyelidikan IPBL	Index
12	2008	Amin, N.	Penggunaan Ganti Nama Diri	Journal of Modern Languages	My Cite
13	2010	Mis, M.A.	Dalam Bahasa Iban Lingua Franca Di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan Bahasa	GEMA Online™ Journal of Language Studies	Scopus
14	2012	Omar, A. dan Sandai, R.	1. Morfologi Bahasa Iban	Penerbit: Universiti Pendidikan Sultan Idris	Buku
15	2012, 2014, 2016	Mahamod, Z. dan Nor, M.	2. Fonologi Bahasa Iban	GEMA Online™ Journal of Language Studies	Scopus
16	2014	Badrudin, J., Latif, M. N., dan Shahidi, A. H.	Penguasaan Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Iban	GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space	Wos
17	2014	Aman, R., Latif, M. N., dan Shahidi, A. H.	Fonologi Bahasa Kantuk: Kekerabatan dan keeratannya dengan Bahasa Iban dan dialek Melayu Semenanjung	Malaysian Journal of Society and Space	Wos
18	2015	Joanes, J.	Memupuk perpaduan di Malaysia: Unsur-unsur penyatuan di sebalik imbuhan bahasa Iban Sarawak purba	Journal of Language, Literature and Culture	Scopus
19	2016	Asfar, D. A.	Sistem Bahasa dan Tulisan Masyarakat Iban	LITERA.	Index
20	2017	Stephen, C. A., Osup, C. A., dan Bakar, S. S. A.	Kearifan lokal dan ciri kebahasaan teks naratif masyarakat Iban	PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature	Index
21	2017	Tandang, N.	Faktor Campur Kod dalam Kalangan Masyarakat Iban di Sarawak.	Tesis PhD	Tesis
22	2017	Banseng, S.	Struktur dan pragmatik dalam puisi Pelandai Bulan	PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature.	Index
23	2018	Daud, M. Z., Abd Wahid, M. S. N., dan Gedat, R	Unsur Bahasa Kiasan Metafora Dalam Sampi Iban	International Journal of Language Education and Applied Linguistics	My Cite
24	2019	Shin, C., Gedat, R., dan Mis, M. A.	Penggunaan Eufemisme dalam Kalangan Penutur Iban	GEMA Online® Journal of Language Studies	Scopus
25	2020	Liam, B.	Bahasa Remun di Negeri Sarawak: Kajian Perbandingan dengan Bahasa Iban	PENDETA Journal of Malay Language, Education and	Index
			Unsur Symbolisme Dalam Pengap Gawai		

26	2021	Terry, E. A. C., Nasri, N. M., & Mansor, A. Z.	Pangkung Tiang Tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru Bahasa Iban sekolah rendah daerah Sri Aman terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran Bahasa Iban	Literature. Jurnal Dunia Pendidikan	Index
27	2021	Liddy, M. A., dan Wahab, K. A	Tabu bahasa dalam aktiviti ekonomi masyarakat Iban di Sungai Passai, Sarawak	GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space	Wos
28	2021	Katoi, N.	Bentuk Puisi Tradisional Iban Timang Jalung: The forms of Iban Traditional Poetry Timang Jalung	PENDETA	Index
29	2021	Shin, C.	Iban as a koine language in Sarawak	Wacana, Journal of the Humanities of Indonesia	Scopus
30	2022	Sulissusiawan, A., Asfar, D. A., & Febrianti, B. K.	Environmental Lexicon in the Pantun of Iban Kapuas Hulu West Kalimantan	In 9th Asbam International Conference (Archeology, History, & Culture In The Nature of Malay)(ASBAM 2021)	Index
31	2022	Bunau, E.	Morphology Of The Languages: Overview Of The Exemplifications Of English, Indonesian, Iban, and Kanayatn	Journal of English Educational Study (JEES)	Index
32	2022	Bidi, E. E., Hassan, S., dan Suhai, D. S. A.	Pengimbuhan Kata dalam Bahasa Iban	PENDETA	Index
33	2022	Dato, J., Sandai, R., Banseng, S., Sulaiman, S., Idris, M., Md, R., dan Dermawan, T.	Struktur dan Unsur Metafora dalam Puisi Invokasi Biau Masyarakat Iban	Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities.	Scopus
34	2022	Banseng, S., dan Gerry, D.	Tahap Pengetahuan dan Minat dalam Aplikasi Corona Sdk Terhadap Pembelajaran Perumpamaan Bahasa Iban Murid Tingkatan Satu	Jurnal Dunia Pendidikan	Index
35	2022	Jampong, S. S., dan Yasin, R. M.	Keberkesanan Animasi Powtoon dalam Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Iban dan Impaknya Terhadap Motivasi Pelajar Sekolah Menengah	Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)	Index
36	2022	Tugau, M., Magiman, M. M., Kundat, F. R., dan Salleh, N	Ritual Pelian Budaya Masyarakat Iban di Daerah Sebauh, Bintulu Sarawak	ANP Journal of Social Science and Humanities	Index

Hasil Kajian

Pemaparan berkaitan tinjauan lepas telah dipecahkan kepada 3 sub kajian lepas untuk menampakkan tahap kedalaman sorotan kajian berkaitan bahasa Iban telah diterbitkan. Sub ini bertujuan bagi menunjukkan perkaitan:

- i. Kajian Bahasa Iban Dari Aspek Sastra dan Budaya
- ii. Kajian Bahasa Iban Daripada Aspek Pendidikan

iii. Kajian Bahasa Iban Dari Aspek Linguistik

1. Aspek Sastra Dan Budaya

Sejarah bahasa Iban

Di Sarawak bahasa Iban dituturkan oleh masyarakat Iban dan penduduk Sarawak. Dalam Bahasa Iban, bahasa disebut sebagai *jaku*. Berdasarkan sejarah, bahasa Iban telah menjadi *lingua franca* dan bahasa perdagangan dalam kalangan orang Iban, Cina, Melayu, Bidayuh serta Orang Ulu. Hal ini menyebabkan bahasa Iban tersebar luas di Sarawak. Oleh itu, bahasa Iban dianggap sebagai bahasa pilihan kerana hampir semua masyarakat di Sarawak boleh bertutur menggunakan bahasa ini dalam pergaulan seharian. Menurut Richards (1981) bahasa Iban merupakan kumpulan bahasa Melayu, iaitu disebut sebagai Malayo-Polynesia dari rumpun atau keluarga bahasa Austronesia. Namun begitu, penutur jati di Semenanjung atau Indonesia tidak memahami bahasa Iban dengan begitu baik seperti penutur aslinya, tetapi bahasa Iban dapat dianggap sebagai satu dialek bahasa. Menurut Brugman (1985) individu yang mahir berbahasa Melayu berkeupayaan untuk memahami kata-kata dan ungkapan dalam bahasa Iban. Namun kenyataan ini ditegaskan lagi oleh Sutlive et al. (1994) sungguhpun bahasa Iban hampir sama dengan bahasa Melayu kerana mempunyai leksikon dan frasa nama, bahasa Melayu mempunyai penambahan awalan dan akhiran, namun berbeza dengan bahasa Iban kerana frasa nama dalam bahasa ini tidak mempunyai penambahan akhiran. Hal ini menunjukkan bahasa Iban mempunyai keunikannya tersendiri sama seperti bahasa-bahasa lain di Malaysia

Sejak abad ke-19, bahasa Iban telah mula dikaji oleh para penyelidik kesan daripada pemerintahan Brooke pada ketika dahulu. Perkara ini telah menarik minat para penyelidik untuk mengkaji bahasa Iban. Antara kajian yang pernah dilakukan adalah kajian Harrison (1959) menumpukan kajiannya terhadap golongan etnik yang mendiami kawasan di bahagian selatan Sungai Kapuas yang menjurus kepada beberapa dialek, misalnya yang wujud dalam bahasa Iban pada kawasan Kuching, Saribas, Skrang, Lemanak, Batang Lupar, Lundu, Miri, Bintulu, Kapit, Limbang, Lawas dan Sri Aman. Menurutnya lagi, kawasan tersebut menjadi fokus kepada aktiviti sosial kumpulan kaum Iban kerana mempunyai sungai. Hal ini telah membentuk masyarakat sungai kerana pertuturan bahasa Iban yang digunakan ketika itu dijadikan sebagai alat komunikasi seharian. Keadaan ini menyebabkan bahasa Iban dijadikan sebagai penggunaan dan pengamalan dalam semua aspek sehingga kini.

Kepercayaan

Kajian terhadap kepercayaan yang pernah dijalankan oleh Sandin (1977) telah menunjukkan puisi lisan masyarakat Iban memberi penekanan kepada keindahan bahasa dalam menyampaikan mesej. Sama seperti kajian yang pernah dijalankan oleh Osup (2006) dalam meneliti leka main. Tujuan utama dalam kajian ini adalah menganalisis bentuk, gaya dan struktur leka main serta mengkaji fungsinya dalam masyarakat Iban dan mengkategorikan mengikut fungsi-fungsi yang berbeza. Hasil dapatan telah memaparkan kestabilan sosial dan emosi dapat memberi pengetahuan serba sedikit mengenai tema, struktur dan fungsi leka main ramban dalam masyarakat Iban.

Kajian dari aspek sastra dan budaya terus menjadi tarikan para penyelidik. Misalnya, Saripah (2017) mengkaji tentang metafora dalam mantera perhumaan. Hasil dapatan yang ditunjukkan ialah bahasa kiasan sampi terdiri daripada unsur alam. Antara unsur alam yang dijelaskan pada dapatan kajian adalah seperti tumbuhan, haiwan, dan manusia yang disesuaikan dengan unsur bukan alam yang dicipta dan menjadi budaya dalam kehidupan masyarakat Iban. Walau bagaimanapun, kajian ini membuktikan tiada penjelasan yang terperinci berkenaan dengan tema, struktur dan fungsi puisi dalam masyarakat Iban. Dengan itu, kajian ini telah memberi ruang kepada kajian lain untuk menambah baik dan mengisi kekurangan serta perlu dilakukan untuk mengatasi masalah mengenal pasti struktur, menghuraikan tema dan menjelaskan fungsi puisi ramban dalam masyarakat Iban sekaligus menjadikan kajian ini sebagai kajian lanjutan pemangkin kajian terkini yang seumpama dengannya. Bagi kajian Tandang (2017) pula menumpukan struktur dan penerangan terhadap tema Pelandai Bulan dalam masyarakat Iban. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua teori, iaitu teori Strukturalisme bagi mengupas struktur dan tema, manakala teori Pragmatisme untuk menjelaskan fungsi puisi ini masyarakat Iban. Dapatan kajian membuktikan struktur

yang mempunyai ciri karya sastra dalam Pelandai Bulan memiliki tema dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada proses rutin penanaman padi tahunan dalam masyarakat Iban.

Kajian dari aspek yang sama terus berkembang sehingga kini. Misalnya kajian Benjamin (2020) terhadap unsur Simbolisme dalam Pengap Gawai Pangkung Tiang. Pengkaji telah menggunakan sebanyak enam jenis teks telah dianalisis berkaitan unsur simbolisme dengan berpandukan teori semiotik. Dapatan yang terhasil daripada kajian ini ialah simbol dalam pengap mempunyai perkaitan dengan persekitaran dan kehidupan harian masyarakat Iban. Seterusnya dapatan menunjukkan bahawa masyarakat Iban menganggap semua benda hidup dan benda bukan hidup mempunyai semangat atau roh dengan memberi sifat kepada manusia kepada benda melalui simbol.

Selanjutnya, kajian Kato (2021) telah menjalankan satu analisis terhadap bentuk puisi timang jalung yang dinyanyikan oleh sekumpulan lemambang dalam upacara gawai antu. Sampel kajian diambil dari daerah Saratok dan Betong, iaitu seorang lemambang yang menyanyikan puisi timang jalung. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa puisi timang jalung distrukturkan oleh baris dan rangkap. Justeru, kajian ini dapat membantu pengkaji lain untuk meneliti teori strukturalisme terutama dalam mengkaji bahasa Iban seumpamanya. Kajian Dato et al. (2022) telah menerangkan puisi tradisional biau melalui struktur lapisan bahasa dan unsur pembentukan metafora.

Penyelidikan dijalankan secara deskriptif, iaitu mengkaji tiga buah puisi biau, iaitu *Biau Piring Bedara* (Doa Persembahan Sajian Korban), *Biau Piring Gawai Tuah* (Doa Persembahan Sajian Perayaan Gawai Tuah) dan *Biau Piring* (Doa Persembahan Sajian). Penganalisan data dilakukan secara pengekodan terbuka dan substantif. Dapatan menunjukkan seruan pembukaan, *bertabik* dan struktur pengenalan diri diucapkan sebagai pengenalan dalam *biau*. Dapatan dalam kajian ini juga memaparkan isi dalam biau, iaitu lapisan bahasa yang digunakan melalui tujuan, seruan, pernyataan persembahan sajian (*piring*) dan suruhan sehingga puisi diakhiri dengan doa restu. Kajian ini dapat melestarikan bahasa dan budaya Iban dengan menunjukkan keistimewanya sekaligus mengekalkan adat dan budaya masyarakat Iban.

Kajian Tugau et al. (2022) telah memaparkan kajian yang melibatkan ritual, iaitu berkaitan mimpi ngeri (*jai hambar*) untuk menyembuhkan pesakit, pemisahan roh antara orang mati dan masyarakat yang masih hidup dan proses pentahbisan untuk dukun baru (*Manang*). Dapatan kajian membuktikan *Pelian* merupakan satu ritual penyembuhan bagi menguatkan ayu (*core being*) kepada seseorang dan memisahkan roh orang mati dengan masyarakat hidup. Pelbagai penemuan simbol yang digunakan dalam proses *Pelian*, seperti *piring* (persembahan kepada Tuhan), *pua kumbu* (selimut tenunan), pisau, *anak kebuk* (balang kecil), *manuk* (ayam), kain sarung (jalur kain yang dipakai bulat dalam badan), pagar api (struktur yang sangat simbolik yang membentuk pusat ritual). Simbol ini telah menunjukkan keunikan budaya masyarakat Iban. Perkara ini telah menjadi satu tarikan kepada para penyelidik untuk terus membuat kajian dalam sastra dan budaya Iban. Meskipun ramai para pengkaji telah membuat kajian sastra dan budaya, namun kajian bahasa Iban tidak terlepas daripada dunia pendidikan dan wajar dijadikan sebagai satu penyelidikan.

2. Aspek Pendidikan

Masalah Kekurangan Guru dan Tahap Penggunaan Pedagogi Bahasa Iban

Kajian dari aspek pendidikan melihat kepada masalah kekurangan guru bahasa Iban dan tahap pengetahuan pedagogi guru bahasa Iban. Kajian ini pernah dijalankan oleh Nor dan Mahamod pada tahun 2012, 2014 dan 2016 merupakan satu kajian lanjutan. Antara tumpuan yang diberikan oleh para pengkaji dalam kajian ini adalah tahap penguasaan pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa Iban dengan meneroka dan meneliti secara mendalam Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) yang dimiliki oleh guru bahasa Iban sekolah menengah di Sarawak serta mengetahui bagaimana PPIK ini dilaksanakan dalam bentuk penaakulan pedagogi dan tindakan guru semasa proses pengajaran di dalam bilik darjah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa PPIK guru-guru bahasa Iban dipengaruhi oleh disiplin ilmu masing-masing disebabkan oleh faktor latar belakang pengkhususan yang berbeza-beza.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Terry, Nasri dan Mansor (2021) membuktikan bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban menggunakan multimedia adalah salah satu aspek yang sangat

meluas dalam bidang pendidikan. Hasil dapatan kajian membuktikan tahap pengetahuan guru yang mengajar Bahasa Iban terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran adalah berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan guru yang mengajar Bahasa Iban sentiasa mengikuti perkembangan semasa dan mempunyai pendedahan berkaitan dengan maklumat mengenai multimedia.

Perkembangan kajian bahasa Iban diteruskan lagi oleh Banseng dan Gerry (2022) dalam menerangkan tahap pengetahuan dan minat murid dalam pembelajaran perumpamaan Bahasa Iban menggunakan aplikasi teknologi Corona SDK. Dapatan kajian menunjukkan tahap minat murid Iban menggunakan aplikasi ini sangat baik. Kajian Jampong dan Yasin (2022) mengenai kajian menggunakan video animasi dalam pengajaran. Kajian ini telah dijalankan bagi tujuan pengajaran menggunakan video animasi Powtoon dalam tatabahasa Iban. Kajian menunjukkan keputusan pelajar dapat mempelajari tatabahasa Bahasa Iban menggunakan kaedah teknologi dan kaedah tanpa teknologi namun dengan adanya Aplikasi video animasi Powtoon ini motivasi dan minat pelajar semakin tinggi. Dengan itu, kajian-kajian lepas terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Iban dapat dijadikan sebagai pemangkin kajian terkini dan perlu diteruskan atas faktor pelbagai lagi isu yang boleh dijadikan sebagai satu kajian lanjutan dalam bahasa Iban terutamanya dari aspek pendidikan.

3. Aspek Linguistik

Sistem Bahasa dan Tulisan

Perkembangan bahasa telah mendorong kepada terbentuknya penulisan sebagai komunikasi di dalam tamadun manusia. Pada tahun 2015, Joanes telah menunjukkan satu kajian yang lebih komprehensif dengan meninjau sistem bahasa dan tulisan masyarakat Iban yang terdapat di Sarawak. Kajian ini memfokuskan perkembangan bahasa Iban di dalam pengukuhan bagi penggunaan kepelbagaian pertuturan puisi serta menumpukan penggunaan sistem tulisan Iban terhadap perkembangan tamadun. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual bagi mendapatkan penggunaan sistem tulisan bahasa Iban. Dapatan kajian ini menunjukkan sejarah sistem tulisan bahasa Iban berbentuk ideogram, iaitu perkembangan hasil dari piktogram yang mempunyai simbol grafik untuk memberi idea. Menurutnya lagi, dalam sistem ini kaum Iban mampu menterjemahkan sejarah dengan tepat yang dipahat pada kepingan papan yang disebut sebagai sistem tulisan Turai. Sistem ini merupakan satu-satunya khazanah pribumi di Kepulauan Borneo yang hampir pupus mempunyai catatan sejarah pada kepingan papan. Hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian ini adalah sistem bahasa dan tulisan terhasil daripada benihnya tersendiri.

Kosa kata dan Pembentukan Ayat

Kajian kosa kata telah dikaji oleh Sulissusiawan et al . (2022) tentang perbendaharaan kata dengan melihat kepada unsur alam seperti tumbuhan, haiwan, objek, keadaan, dan semua aktiviti hidup. Dapatan kajian menunjukkan leksikon unsur alam diperolehi dalam bentuk tumbuhan, nama geografi, dan aktiviti alam sekitar manusia. Pantun ini menjadi fenomena dalam mengenali sifat dan budaya kaum Iban. Dari segi pembentukan ayat dalam bahasa Iban telah banyak dijalankan oleh pengkaji dalam bidang linguistik. Misalnya, kajian Omar (1981; 1983) telah memberi penerangan lengkap terhadap tatabahasa bahasa Iban. Kajian bahasa Iban dalam bidang linguistik terus berkembang pada abad ke-20. Salah satunya ialah kajian Guat (2006) melihat kepada tumpuan awal untuk pemerolehan bahasa kanak-kanak penutur natif bahasa Iban dari segi analisis sintaksis telah dilakukan. Dalam kajian ini, pendekatan interaksi menggunakan alat rakaman melalui perbualan tidak terancang. Data kajian yang ditunjukkan adalah dari segi panjang ayat, struktur sintaksis dan unjuran setiap giliran bertutur. Secara tidak langsung kajian telah mendapati sistem-sistem linguistik dalam pertuturan bahasa Iban dapat dikuasai oleh golongan kanak-kanak dengan pantas meskipun tiada pengajaran formal. Kajian awal ini dapat memberi panduan kepada para pengkaji lain untuk meneruskan kajian terhadap sintaksis bahasa Iban melalui pertuturan.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Amin (2008) pula mengkaji penggunaan ganti nama diri dalam bahasa Iban pada konteks sosiolinguistik. Kajian ini memfokuskan penggunaan kata ganti nama dan kata panggilan dalam bahasa Iban yang merangkumi huraian struktur linguistik dan faktor sosiobudaya masyarakat Iban. Dapatan kajian menunjukkan penemuan penggunaan kata ganti nama dan kata panggilan

tidak kompleks. Dalam dapatan kajian ini juga, keunikan dalam bahasa Iban wujud melalui penggunaan kata ganti nama seduai yang merupakan kata ganti nama kedua dan ketiga dapat menjadi kata penghubung antara dua frasa nama. Pada masa yang sama, dapatan kajian ini menunjukkan bentuk bahasa halus dalam kata panggilan serta ganti nama diri kategori lain turut mempunyai fungsi hormat meskipun berbentuk kasar apabila dituturkan. Berdasarkan penelitian ini, kajian bahasa Iban dapat diteroka dalam bidang linguistik melalui pertuturan.

Menurut Mis (2010) pelbagai suku kaum yang terdapat di Sarawak menggunakan pilihan bahasa sebagai perhubungan utama atau lebih dikenali sebagai lingua franca. Bahasa yang paling gemar dituturkan ialah bahasa Iban. Tambahnya, bahasa Iban merupakan satu bahasa yang paling dominan dengan kumpulan etnolinguistik yang merangkumi setengah juta penutur. Bahasa Iban juga tergolong dalam bahasa Melayik, iaitu cabang dari sub kelompok bahasa Melayu-Polinesia. Teori yang dimanfaatkan dalam kajian ini adalah Teori Pilihan Bahasa berpandukan pemilihan teori yang dipelopori oleh Fishman pada tahun 1991. Dapatan kajian menunjukkan bahasa Iban sebagai bahasa pilihan sehingga kini dalam kalangan masyarakat di Sarawak terutama pada situasi formal mahupun tidak formal.

Selain itu, kajian Omar dan Sandai (2012) terhadap morfologi bahasa Iban telah memberi penerangan asas kepada morfologi bahasa Iban dengan menyentuh bentuk dan struktur perkataan bahasa Iban. Kajian ini telah memberi ruang kepada para pengkaji lain untuk mendalami bentuk dan struktur perkataan bahasa Iban terutama daripada sebutan. Pada tahun yang sama, kajian Omar dan Sandai telah memfokuskan kajian dari aspek fonik, fonem dan fonologi bahasa Iban. Tujuan kajian adalah untuk memberi pengenalan fonologi sebagai cabang linguistik. Kajian ini juga memperkenalkan cara penutur menganalisis sistem bunyi perkataan bahasa Iban. Dalam penulisan kajian ini, dwibahasa digunakan supaya dapat dijadikan sebagai pemangkin kajian terkini kepada semua penyelidik baru.

Kajian mengenai sistem pengimbuhan yang melibatkan tiga varian Iban di Sarawak, iaitu Sri Aman, Betong, dan Sarikei telah dikaji oleh Aman et al. (2014) jelas memperlihatkan unsur-unsur penyatuan imbuhan bahasa Iban Sarawak Purba. Ringkasnya, kajian ini mendapati bahawa sistem imbuhan telah membantu menjelaskan jarak hubungan kekerabatan antara varian Ibanik Sarawak dan sekaligus menunjukkan kesepaduan Ibanik dengan Melayu. Perkembangan sebutan dalam variasi yang dijalankan pada kajian Omar (2015) terhadap tradisi lisan bahasa Iban menunjukkan ungkapan *urang Kampar* bermaksud orang asing. Dalam kajian ini, kaedah linguistik untuk menentukan konteks-konteks penggunaan perkataan Kampar. Hipotesis dalam kajian ini dapat dikatakan bahawa nama Kampar sebagai nama tempat dan nama komuniti telah lama wujud sebelum kedatangan Islam. Meskipun kajian ini tidak dilakukan secara menyeluruh dalam linguistik bahasa Iban, namun masih dapat dijadikan landasan dengan merujuk kaedah linguistik yang digunakan dalam setiap perkataan dalam bahasa Iban.

Kajian Asfar (2016) telah mengkaji sistem imbuhan dalam teks cerita masyarakat Iban. Tujuan kajian ini adalah untuk menerangkan ciri-ciri bahasa Iban dalam tiga teks tersebut. Proses penganalisisan data dalam kajian ini berpandukan sistem International Phonetic Alphabet (IPA) 1999 sebagai alat untuk mentranskripsikan hasil penceritaan melalui temu bual yang dijalankan. Kajian mendapati bahawa morfem awalan /N-/ terdiri daripada beberapa alomorf yakni /n-/, /m-/, dan /meN-/. Berdasarkan analisis, kata kerja intransitif dapat dibina dari beberapa kelas kata seperti kata adjektif, adverba dan verba melalui pengimbuhan morfem awalan /beR-/. Kajian ini telah membuka ruang pada kajian mendatang untuk mendalami lagi sistem bahasa dan tulisan; kosa kata dan pembentukan ayat dalam bahasa Iban terutamanya dalam bidang linguistik.

Kajian perbandingan yang dilakukan oleh Aman et al. (2018) telah menumpukan usaha perbandingan tujuh variasi Iban yang dituturkan di Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibul, Bintulu, Kapit dan Limbang. Dalam kajian ini satu proses rekonstruksi dalaman digunakan untuk memaparkan satu bentuk bahasa purba Iban, manakala klasifikasi dilakukan berdasarkan unsur inovasi yang wujud dalam variasi-variasi Iban. Hasil daripada kajian ini, menunjukkan variasi Iban Sibul, Kapit dan Bintulu lebih rapat berbanding variasi Iban Sri Aman, Limbang, Betong dan Sarikei. Kajian terhadap variasi diteruskan lagi oleh Shin et al. (2019), Namun kajian ini lebih memfokuskan perbandingan bahasa Remun dan bahasa Iban di Sarawak. Tinjauan kosa ilmu yang dilakukan dalam kajian ini mendapati deskripsi linguistik intensif yang membincangkan hubungan antara bahasa Remun dan bahasa Iban belum pernah dikaji. Pendekatan

dalam kajian ini dibuat secara deskriptif untuk mencungkil persamaan dan perbezaan bahasa Remun dan bahasa Iban dengan memberi tumpuan kepada aspek leksikal dan fonologi. Terdapat 82 peratus kadar persamaan kosa kata bagi kedua-dua bahasa ini daripada 150 sampel kosa kata yang dibandingkan. Bukti tambahan telah didapati dalam kajian ini melalui analisis fonologi dengan menunjukkan persamaan sebanyak 85 peratus kognat. Kajian ini telah menunjukkan hasil bagi meningkatkan kesedaran badan perancang bahasa Iban di Sarawak tentang wujudnya kelainan variasi dalam bahasa berkenaan.

Kajian Shin (2021) juga telah membuat satu kajian tentang *Iban as a koine language in Sarawak*. Dalam kajian ini, pengkaji membuktikan perubahan kepada etnonim disebabkan oleh saiz populasi Iban di Sarawak. Hal ini dikatakan demikian atas faktor kewujudan beberapa kumpulan etnik seperti Balau, Remun, Kantu', Milikin, dan Kumpang. Faktor ini juga menyebabkan kajian ini telah memfokuskan isu homogeni linguistik kaum Iban dengan memanfaatkan pendekatan koineisasi bahasa. Analisis fonologi mengenai variasi Ibanik yang dituturkan di Kalimantan Barat mendapati bahawa variasi bahasa Iban di Sarawak telah muncul sebagai variasi linguistik yang stabil daripada hasil pelbagai dialek dan perkataan yang mudah disebut dan difahami oleh penutur. Tambahan pula, pembangunan koine Iban terbukti dapat memenuhi beberapa ciri dalam kesinambungan perkembangan koine yang dicadangkan oleh Siegel pada tahun 1985.

Sementara itu, kajian Bunau (2022) pernah mengkaji tentang perkataan morfologi dan proses pembentukan pada contoh morfologi bahasa Iban. Penemuan bagi contoh morfologi dalam bahasa Iban pada kajian ini adalah pembentukan kata terhasil dari kata akar dan penambahan imbuhan awalan, apitan dan akhiran. Namun, kesemua contoh lain turut menunjukkan perubahan kelas perkataan. Kajian seterusnya yang pernah dijalankan oleh Ericca, Salbia dan Dayang Sariah (2022) menumpukan pengimbuhan awalan kata dalam bahasa Iban yang hadir di hadapan kata kerja yang terdapat dalam teks cerita rakyat. Analisis data telah menghasilkan kata kerja terbitan dalam bahasa Iban dibentuk melalui proses pengimbuhan morfem awalan dengan kata dasarnya. Dapatan analisis juga mendapati proses penyengauan atau nasalisasi berlaku dalam pembentukan kata kerja terbitan bahasa Iban menggunakan lambang /N-/. Berdasarkan kesemua analisis dalam kajian ini, bahasa Iban jelas terbentuk kata terbitannya melalui proses pengimbuhan dan mempunyai sebahagian bentuk imbuhan awalan yang berbeza dengan bahasa lain.

Perbincangan

Hasil pengumpulan tinjauan kajian lepas didapati bahawa bahasa Iban dari pelbagai aspek bahasa dapat dirujuk oleh para pengkaji bagi mendalami bahasa Iban dalam satu kajian. Misalnya daripada aspek sastera dan budaya yang pernah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji luar negara mahupun dalam negara. Sudah terbukti bahawa kajian terhadap sastera dan budaya bahasa Iban sangat meluas kerana para pengkaji gemar dan banyak mengkaji tentang adat, kepercayaan dan budaya masyarakat Iban dahulu hingga kini. Kajian seperti ini juga menjadi tarikan kepada para pengkaji apabila dapat melibatkan diri semasa menjalankan kajian untuk mendapatkan data kerana kajian lepas telah menunjukkan majoriti menggunakan kajian lapangan sebagai platform utama dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian, rakaman dan sebagainya bagi menghasilkan kajian yang berkaitan. Hasil kajian kesemua pengkaji lepas dari aspek sastera dan budaya dapat menunjukkan bahasa Iban sangat kaya dengan keunikan dalam kalangan masyarakatnya.

Seterusnya, dari aspek pendidikan bahasa Iban sangat mementingkan pengetahuan pedagogi khasnya bagi guru-guru yang mengajar mata pelajaran itu. Kepentingan ini dapat dilihat dalam kajian lanjutan yang memfokuskan tahap pengetahuan pedagogi guru bahasa Iban. Kajian seumpamanya telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain namun fokus kajian bukan sahaja terhadap guru-guru, pelajar juga diberi perhatian dalam kajian pendidikan bahasa Iban. Para pengkaji telah membuktikan tahap, sikap dan motivasi guru dan pelajar menguasai bahasa Iban dari sudut kandungan pelajaran mahupun penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian dari aspek pendidikan juga banyak dilakukan oleh para pengkaji lepas, namun masih ada lagi isu yang perlu dirungkai dalam bahasa Iban agar perkembangan kajian dalam pendidikan dapat menjadi pemangkin kajian terkini khasnya kepada para pendidik.

Manakala dari aspek linguistik kajian terhadap sejarah sistem tulisan dan bahasa Iban menunjukkan kewujudan sistem tulisan tersebut dalam bentuk ideogram yang terhasil daripada sejarah perkembangan pada era 60-an terbuktinya penubuhan Borneo Literature Bureau (BLB) yang menghasilkan buku-buku dalam bahasa Iban. Dari perkembangan ini juga bahasa Iban wujud dengan adanya kosa kata dan

pembentukan ayat. Ini kerana kajian Omar pada tahun 1981 dan 1983 telah membuka banyak ruang dan peluang kepada para pengkaji lain dalam menyentuh bahasa Iban dari aspek pertuturan natif melalui sintaksis, konteks sosiolinguistik dalam penggunaan ganti nama diri, lingua franca yang menumpukan pilihan bahasa seharian, pengenalan asas dan pembentukan morfologi serta fonologi dalam cabang linguistik. Tambahan lagi, para pengkaji juga telah menjalankan kajian sistem imbuhan bahasa Iban, linguistik bandingan bahasa Iban, perbandingan bahasa Remun dan bahasa Iban, isu homogeni linguistik dalam variasi Iban serta sorotan perbezaan dan perbandingan bahasa turut disentuh dalam kajian lepas.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian lepas dari aspek bahasa Iban, sastera dan budaya, pendidikan, dan linguistik bahasa Iban menunjukkan bahasa ini mampu diterokai dengan lebih jauh lagi agar seiring dengan bahasa-bahasa lain di dunia penyelidikan kerana kaedah dan penelitian para pengkaji berjaya dimanfaatkan dalam kajian dengan menunjukkan pelbagai bukti dan penemuan baru. Kajian bahasa Iban sangat jelas dan terbukti menjadi penggunaan dan pengamalan kepada semua kelompok kerana masih lagi relevan untuk dimartabatkan ke peringkat yang lebih tinggi. Sorotan literatur bersistematik ini telah menunjukkan bahawa kajian bahasa Iban dapat dilihat secara meluas dan kajian ini perlu dijadikan sebagai kajian lanjutan pada masa akan datang agar kajian bahasa Iban dapat dirungkai dengan lebih mendalam lagi terutama dari aspek linguistik.

Penghargaan: Terima kasih kepada semua pihak atas bantuan penerbitan artikel ini.

Konflik Kepentingan: Penulis mengaku tiada konflik kepentingan antara semua pihak yang telah terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- Aman, R., Latif, M. N., & Shahidi A. H. (2018). *Linguistik bandingan bahasa Iban*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aman, R., Latif, M. N., & Shahidi, A. H. (2014). Memupuk perpaduan di Malaysia: Unsur-unsur penyatuan di sebalik imbuhan bahasa Iban Sarawak purba. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(6), 187-205. <http://www.ukm.my/geografia/v2/index.php>
- Amin, N. (2008). Penggunaan ganti nama diri dalam bahasa Iban. *Journal of Modern Languages*, 18(1), 191–204. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JML/article/view/3704/1648>
- Asfar, D. A. (2016). Kearifan lokal dan ciri kebahasaan teks naratif masyarakat Iban. *Litera*, 15(2), 366-378. <https://doi.org/10.21831/ltr.v15i2.11835>
- Badrudin, J., Latif, M. N., & Shahidi, A. H. (2014). Fonologi bahasa Kantuk: Kekeperabatan dan keeratannya dengan bahasa Iban dan dialek Melayu Semenanjung. *Geogr. Online*, 1(1), 94-100.
- Banseng, S., & Sandai, R. (2017). Unsur bahasa kiasan metafora dalam sampi Iban. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 116-12. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol8.12.2017>
- Banseng, S., & Gerry, D. (2022). Tahap pengetahuan dan minat dalam aplikasi corona Sdk terhadap pembelajaran perumpamaan bahasa Iban murid tingkatan satu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 250-256.
- Bidi, E. E., Hassan, S., & Suhai, D. S. A. (2022). Pengimbuhan kata dalam bahasa Iban: The affixation of words in Iban Language. *PENDETA*, 13(2), 55-71. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.5.2022>
- Brugman, R. G. (1985). *English-Iban Vocabulary*. Sarawak Literary Society Harrison.
- Bunau, E. (2022). Morphology of the Languages: Overview of the exemplifications of English, Indonesian, Iban, and Kanayatn. *Journal of English Educational Study (JEES)*. 1(1), 77-85. <https://doi.org/10.31932/jees.v5i1.1624>
- Dato, J., Sandai, R., Banseng, S., Sulaiman, S., Idris, M., Md, R., & Dermawan, T. (2022). Struktur dan unsur metafora dalam puisi invokasi Biau masyarakat Iban. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 30(3). <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.3.11>
- Daud, M. Z., Abd Wahid, M. S. N., & Gedat, R. (2018). Penggunaan eufemisme dalam kalangan penutur

- Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 08(1), 27-40. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v8.528>
- Ghazali, M. K. A., Saleh, Y., & Mahat, H. (2021). Pembangunan bandar warisan lestari: sorotan empirikal menggunakan kaedah sorotan literatur bersistematik (systematic literature review (SLR)). *e-BANGI*, 18(5), 175-194.
- Guat, T. M. (2006). Pemerolehan bahasa kanak-kanak: Satu analisis sintaksis. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 7, 87-108. <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/jurnalpapers/jurnal2006/tay06.pdf>
- Harrisson, B. (1959). *The peoples of Sarawak*. Sarawak Meseum Publication.
- Jampong, S. S., & Yasin, R. M. (2022). Keberkesanan animasi powtoon dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Iban dan impaknya terhadap motivasi pelajar sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), 1-12. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1630>
- Joanes, J. (2015). Sistem bahasa dan tulisan masyarakat Iban. *Journal of Language, Literature and Culture*, 1, 1-33. <http://surl.li/ruusv>
- Katoi, N. (2021). Bentuk puisi tradisional Iban Timang Jalung: The forms of Iban traditional poetry timang jalung. *PENDETA*, 12(2), 115-130. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.9.2021>
- Lebar, O. (2021). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metode* (edisi ke-2). Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Liam, B. (2020). Unsur simbolisme dalam Pengap Gawai Pangkung Tiang. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 55-69. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.5.2020>
- Liddy, M. A., & Wahab, K. A. (2021). Tabu bahasa dalam aktiviti ekonomi masyarakat Iban di Sungai Passai, Sarawak (Language taboo in economic activities of the Iban communities in Sungai Passai, Sarawak). *Geografia*, 17(2), 375-388. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-29>
- Mahamod, Z. & Nor, M. (2012). Penguasaan pengetahuan pedagogi kandungan guru Bahasa Iban. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(2), 593-608. <https://core.ac.uk/download/pdf/11493842.pdf>
- Mahamod, Z. & Nor, M. (2014). Penterjemahan pengetahuan pedagogi kandungan dalam proses tindakan guru Bahasa Iban baharu dan berpengalaman bukan opsyen. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 37-49.
- Mahamod, Z. & Nor, M. (2016). *Pengetahuan pedagogi kandungan guru bahasa Iban*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mansor, S., & Pawi, A. A. A. (2019). Pelaksanaan penggunaan bahasa Melayu di Sarawak: Antara hak negeri dan kepentingan nasional (1963-1966). *Akademika*, 89(1), 125-135.
- Mis, M. A. (2010). Lingua franca di Sarawak: Aplikasi teori pilihan bahasa. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(2), 97-116.
- Omar, A., & Sandai, R. (2012). *Fonologi bahasa Iban*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Omar, A., & Sandai, R. (2012). *Morfologi bahasa Iban*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Omar, A. (1983). *The Malay peoples of Malaysia and their languages*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (1985). *Susur galur bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (2015). Kampar dalam geolinguistik dan geobudaya Melayu. *Jurnal Bahasa*, 15(2), 201-218.
- Osup, C. (2006). *Leka Main: Puisi rakyat Iban-satu analisis tentang bentuk dan fungsi* [Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia]. <http://eprints.usm.my/id/eprint/9122>
- Richards, A. J. N. (1981). *An Iban-English dictionary*. Penerbit Fajar Bakti.
- Sandin, B. 1977. *Gawai Burong: The chants and celebrations of the Iban bird festival*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Shahidi, A., Langgau, S., & Khairi, N. A. (2023). Pemerian akustik plosif bahasa Iban berasaskan kaedah analisis spektrograf. *Akademika*, 93(2), 249-264. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9302-20>
- Shin, C. (2022). Iban as a koine language in Sarawak. *Wacana, Journal of the Humanities of Indonesia*, 22(1), 102-124. <https://doi.org/10.17510/wacana.v22i1.985>
- Shin, C. (2022). Menyoroti bahasa-bahasa Austronesia di pinggir utara alam Melayu: Bahasa Formosa di Pulau Taiwan. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 6(2), 91-104.
- Shin, C., Gedat, R. & Mis, M.A. (2019). Bahasa Remun di negeri Sarawak: Kajian perbandingan dengan

- bahasa Iban. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 19(4), 203-218.
- Stephen, C. A., Osup, C. A., & Bakar, S. S. A. (2017). Faktor campur kod dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak: Code-mixing factor among the Iban community in Sarawak. *PENDETA*, 8, 108-115. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol8.11.2017>
- Sulissusiawan, A., Asfar, D. A., & Febrianti, B. K. (2022, April). Environmental lexicon in the pantun of Iban Kapuas Hulu West Kalimantan. In *9th Asbam International Conference (Archeology, History, & Culture In The Nature of Malay)(ASBAM 2021)* (pp. 325-332). Atlantis Press.
- Sutlive, V. H., & Sutlive, J. (1994). *A handy reference dictionary of Iban and English*. The Tun Jugah Foundation.
- Tandang, N. (2017). *Struktur dan pragmatik dalam puisi Pelandai Bulan* [Tesis PhD, Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Terry, E. A. C., Nasri, N. M., & Mansor, A. Z. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru Bahasa Iban sekolah rendah daerah Sri Aman terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran bahasa Iban. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 342-354.
- Tuah, D. (2022). Sastera rakyat daripada perspektif kearifan tempatan dan potensinya kepada pelancongan budaya di Sarawak. *Akademika*, 92(2), 153-168.
- Tugau, M., Magiman, M. M., Kundat, F. R., & Salleh, N. (2022). Ritual Pelian budaya masyarakat Iban di Daerah Sebauh, Bintulu Sarawak. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 3(special issue), 52-61. <https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v3sp.7.2022>